

Pendedahan tentang Viral Vs Moral



Pekan, 24 Februari – Seiring dengan kepesatan teknologi, gaya hidup masyarakat hari ini juga semakin berubah dan terkesan apabila lebih banyak masa diluangkan dalam di laman sosial terutamanya menerusi aplikasi seperti Facebook, Twitter, Instagram, WhatsApp dan lain-lain. Namun sejauh mana viral atau tular ini memberi kesan kepada masyarakat?.

Program Anda Tanya Ustaz Jawab anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) pada kali ini menampilkan suatu tajuk yang menjadi isu dan perbualan hangat netizen di media sosial dan juga media arus perdana.

Hadir berkongsi pendapat, dua orang ahli panel iaitu Timbalan Pengarah Pusat Pengajaran & Teknologi Pembelajaran Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Supyan Hussin yang juga seorang pakar sains sosial dan juga finalis Pencetus Ummah, Ustaz Mohd Lokman Ahmad.



Pengarah program, Ustaz Mohamad Hanur Abdul Hamid berkata, secara khususnya tajuk 'Viral Vs Moral' ini dipilih bagi memberi pencerahan yang sebenar kepada masyarakat tentang isu menyebarkan sesuatu perkara tanpa ilmu yang kadang kala diragui kesahihannya. Bagi Prof. Dr. Supyan, fenomena viral atau tular ini adalah satu tafsiran yang berbeza kerana kadang-kadang viral merujuk kepada perkembangan negatif terhadap sesuatu perkara.

"Sebagai contoh dari aspek perubahan viral merujuk kepada kondisi kesihatan yang tidak baik. Namun kini perkataan viral turut digunakan dalam mensensasikan sesuatu isu mahupun maklumat lebih-lebih lagi di media sosial," katanya. Namun, kata beliau sungguhpun isu viral banyak dilihat dari sudut negatif, namun ada juga sisi positif yang membawa kebaikan dalam menyampaikan maklumat yang benar dengan kadar segera.

Program ini telah disertai hampir 200 orang peserta yang terdiri daripada warga UMP, agensi kerajaan sekitar daerah Pekan dan Kuantan serta komuniti masyarakat sekitar Kuala Pahang. Hadir sama dalam program, Timbalan Ketua Pustakawan, Dzull Zabarrod Ahmad yang turut menyampaikan cenderahati kepada penceramah.



Berita disediakan oleh Mohamad Hanur Abdul Hamid dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 03-03-2017, 16:29:08